

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
(JERANTUT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 03.11.2015**

**Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa adakah Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan had bacaan meter elektrik dari 300kw kepada yang lebih tinggi bagi pengecualian bayaran GST.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenaan kadar GST sifar bagi bekalan elektrik untuk kegunaan domestik telahpun dinaikkan dari 200 unit pertama kepada 300 unit pertama seperti yang diumumkan dalam Bajet 2015.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan lagi kadar penggunaan elektrik melebihi 300 unit pertama memandangkan ianya telapun memberikan manfaat kepada semua golongan rakyat. Sekiranya kadar tersebut dinaikkan lagi, ianya hanya akan memberikan manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi.